

Pantau masalah hakisan benteng

Beri kesan kepada nelayan dan pusat pelancongan sedia ada

SUNGAI HAJI DORANI – Benteng penampungan di Pantai Sungai Haji Dorani akan diberi perhatian dalam menangani masalah hakisan dan kejadian ombak besar yang dikhuatiri memberi kesan kepada aktiviti perikanan nelayan pantai dan pusat pelancongan yang terdapat di kawasan berhampiran.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Noriah Kasnon berkata, buat masa ini cadangan pembinaan benteng itu telah dikemukakan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Menurutnya, dengan keadaan benteng yang berada pada tahap kritikal, apa yang berlaku juga akan memberi kesan kepada keadaan hutan

paya bakau di kawasan berkenaan.

“Kita akan pantau masalah ini dan mohon agar dapat disegerakan, sekiranya berlaku masalah dari segi bajet, kita juga akan cuba mendapat bantuan daripada kementerian dan agensi berkaitan bagi menyelesaikan masalah ini,” katanya ketika ditemui pada lawatan tapak di sini, semalam.

Hadir sama, Jurutera Daerah, Abd Aziz Mohamed Yusof.

Hasil tinjauan berkenaan, Noriah yang juga Ahli Parlimen Sungai Besar berkata, keperluan pembinaan benteng penampungan agak mendesak berdasarkan keadaan tepi pantai yang

mula menghakis.

Sementara itu, Abd Aziz ketika ditemui berkata, bajet pembinaan benteng dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Menurutnya, setakat ini pihaknya sentiasa menjalankan pemantauan dan menjalankan kerja penambakan secara kecil-kecilan terhadap kawasan yang mengalami hakisan.

“Untuk jangka masa panjang, pembinaan benteng penampungan adalah satu keperluan bagi menjamin keselamatan penduduk, nelayan, khususnya produk pelancongan seperti resort yang ada di kawasan ini, namun peruntukan yang diperlukan adalah



■ Noriah mendengar penerangan Abd Aziz (kiri) sewaktu lawatan tapak ke kawasan pantai.

tinggi sekitar RM1.5 hingga RM3.5 juta,” katanya.

Tanda-tanda awal hakisan, menurut beliau dikesan, namun ia masih berada dalam kawalan JPS.